



## KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

### GARIS PANDUAN RAYUAN PENGGREDAN SPA DAN PREMIS KESEJAHTERAAN DAN URUTAN (PKU)

#### DEFINISI SPA

Premis yang menawarkan perkhidmatan rawatan kesihatan dan kecantikan dengan cara rawatan urutan dan menyediakan jenis rawatan berasaskan air.

#### DEFINISI PKU

Premis yang menawarkan perkhidmatan urutan serta tidak melibatkan diagnosis atau preskripsi perubatan.

#### 1. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN RAYUAN

Premis boleh mengemukakan permohonan rayuan jika tidak berpuas hati dengan keputusan penggredan yang dikeluarkan oleh Pesuruhjaya Pelancongan dengan syarat:

- a. Premis mengemukakan rayuan terhadap keputusan penggredan dalam tempoh 21 hari bekerja dari tarikh surat keputusan dikeluarkan;
- b. Sebarang permohonan rayuan selepas tempoh 21 hari bekerja dari tarikh surat keputusan dikeluarkan tidak akan dipertimbangkan;
- c. Keputusan penggredan selepas tempoh rayuan adalah muktamad;
- d. Keputusan penggredan selepas pemeriksaan rayuan adalah muktamad;

- e. Premis perlu mengemukakan permohonan secara rasmi kepada Pejabat MOTAC Negeri melalui sistem TOURLIST; dan
- f. Pasukan pemeriksa hendaklah terdiri daripada pasukan yang berbeza daripada pemeriksaan terdahulu dan diketuai oleh pegawai daripada Ibu Pejabat MOTAC Putrajaya.

## **2. DOKUMEN YANG DIPERLUKAN**

- a. Surat permohonan rayuan penggredan Spa dan PKU; dan
- b. Salinan sijil penggredan Spa dan PKU terkini.

## **3. TATACARA PERMOHONAN**

Surat permohonan rayuan penggredan Spa dan PKU hendaklah dikemukakan melalui sistem TOURLIST kepada Pejabat MOTAC Negeri berkenaan dan dipanjangkan ke Ibu Pejabat MOTAC Putrajaya.

## **4. FI YANG PERLU DIBAYAR**

Tiada fi dikenakan bagi permohonan rayuan penggredan buat masa ini.

## **5. MEKANISME PENGGREDAN**

- a. Pemeriksaan premis akan dilakukan dalam **tempoh 60 hari bekerja** selepas permohonan rayuan penggredan yang lengkap diterima. Penggredan semula akan dilaksanakan oleh pihak Ibu Pejabat MOTAC Putrajaya;
- b. Permohonan rayuan penggredan premis yang telah diperiksa dan lengkap akan dibawa ke Mesyuarat Panel Penggredan Spa dan PKU;

- c. Surat keputusan permohonan rayuan penggredan **atau/dan** sijil penggredan akan diterima dalam tempoh **tujuh (7) hari bekerja** selepas keputusan **Mesyuarat Panel Penggredan Spa dan PKU** dikeluarkan; dan
- d. Tiada rayuan setelah mendapat keputusan mesyuarat.

## 6. **SIJIL PENGGREDAN SPA DAN PKU**

- a. Sijil Penggredan akan hanya dikeluarkan setelah permohonan rayuan penggredan diluluskan dan ditandatangani oleh Pesuruhjaya Pelancongan dan boleh dicetak melalui sistem TOURLIST;
- b. Sijil penggredan terdahulu hendaklah dikembalikan semula;
- c. Sekiranya permohonan rayuan penggredan tidak diluluskan, sijil penggredan terdahulu dikekalkan; dan
- d. Tempoh sah laku sijil penggredan tidak melebihi **tiga (3) tahun**.

## 7. **PIAGAM KELULUSAN PERMOHONAN PENGGREDAN**

- a. **Di peringkat Ibu Pejabat MOTAC Putrajaya:**  
Laporan pemeriksaan penggredan (baharu/semula/penilaian sendiri) hendaklah disediakan dalam tempoh **14 hari bekerja** selepas tarikh pemeriksaan dilaksanakan.
- b. Sijil Penggredan dikeluarkan dalam tempoh **tujuh (7) hari bekerja** setelah ditandatangani oleh Pesuruhjaya Pelancongan.

## 8. TARIKH KUAT KUASA

Garis Panduan ini adalah berkuat kuasa mulai **1 Mac 2026**.

Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan Pelancongan  
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya